

# FPP BizNewz

January - May 2025

MANAGEMENT • INVESTMENT • ECONOMICS • ENTREPRENEURSHIP • TECHNOLOGY

DIGITAL MARKETING  
**in a digital age**

**BRAIN DRAIN**

A Point of View in Malaysia

**MENTAL  
HEALTH**

*Bagaimanakah Penularan*

**PLANKTON  
MERBAHAYA**

*Memberi Kesan kepada  
Usahawan Pesisiran Pantai*

**BUKIT  
LUNING**



**PERANAN  
MAJIKAN  
DALAM  
MENANGANI  
TEKANAN KERJA  
PEKERJA**

**BUBU NAGA**

*Sekat Rezeki Nelayan Tradisional*

**MOTIVATING  
MINDS**

*How Lecturers Can Use Positive  
Reinforcement to Boost*


**HUTANG**  
*Kawan atau Lawan?*

*Unik tapi Benar*  
**KANTUNG MADU KELULUT BERBEZA**

**RINTANGAN INSULIN**

*Punca, Risiko dan Hubungannya dengan Diabetes*

eISSN 2600-9811



9 772600 981003

Publication Date

1 June 2025



## **KESAN OBOR-OBOR**

### **BERBAHAYA KEPADA SEKTOR PELANCONGAN MARIN**

Nur Farah Adibah Mas Shamsudin, Muhammad Irman Fazley Abdullah, Muhammad Rusli Hakim, Muhammad Faiz Abd Rahim, Sharir Aizat Kamaruddin, Alya Balqis Mohd Jais, Zikry Hakim Zainal Abidin, Aimie Rifhan Hashim

Universiti Teknologi MARA Cawangan Perlis, Perlis, Malaysia

Emel Koresponden: [shariraizat@uitm.edu.my](mailto:shariraizat@uitm.edu.my)

Umum mengetahui sektor pelancongan marin membuka banyak peluang pekerjaan kepada komuniti persisir pantai sebagai punca pendapatan. Keindahan persisir pantai dan pulau-pulau semulajadi mengamit keterujaan warga pelancong yang datang terutamanya pada musim cuti sekolah atau hujung tahun. Pada masa yang lain, aktiviti pelancongan disemarakkan dengan kehadiran pelancong luar dengan aktiviti rekreasi dan perniagaan kecil yang dibangunkan oleh komuniti setempat yang rata-ratanya masih berpendapatan rendah. Namun begitu, kehadiran obor-obor berbahaya boleh menjejaskan pendapatan mereka sekaligus berupaya menyebabkan golongan ini kekurangan sumber pendapatan dan terjerat dengan masalah kemiskinan (Ruiz-Frau, 2022).

Obor-obor berbahaya bukan sahaja mempengaruhi sektor pelancongan marin dari segi kesihatan dan ekonomi, tetapi ia juga boleh memberi impak negatif terhadap usaha mencapai matlamat global seperti sifar kemiskinan dan kelaparan. Terdapat dua spesies obor-obor yang dikesan aktif di perairan negara Malaysia iaitu *Physalia physalis* dan *Chiropsoides buitendijki*. Walau bagaimanapun, obor-obor ini mempunyai keupayaan untuk menyengat toksik beracun lalu menyebabkan kecederaan yang menyakitkan atau bahkan berpotensi mengancam nyawa manusia (Loy et al., 2023). Perkara ini menimbulkan risiko kepada pelancong yang menyertai aktiviti air, menyebabkan penutupan pantai dan pembatalan aktiviti pelancongan, seterusnya menjejaskan pendapatan ekonomi tempatan yang bergantung kepada sektor pelancongan. Kehadiran obor-obor berkenaan di kawasan pantai adalah perkara biasa yang berlaku setiap tahun, namun ia tidak boleh dipandang remeh khususnya oleh pengunjung pantai.


Sektor pelancongan marin sering kali menjadi sumber pendapatan utama bagi kebanyakan komuniti pesisir pantai. Penurunan jumlah pelancong akibat risiko kesihatan yang ditimbulkan oleh obor-obor beracun menyebabkan pendapatan perniagaan tempatan merosot. (Kennerley et al., 2022). Pantai-pantai yang terjejas mungkin terpaksa ditutup atau dihadkan penggunaannya untuk mengelakkan kemalangan berlaku. Kehilangan pendapatan yang dialami oleh perniagaan tempatan seperti hotel, restoran, dan pusat penyewaan peralatan sukan air boleh memberi impak yang besar kepada ekonomi tempatan. Sekiranya perkara ini berlanjutan dalam jangka masa yang panjang, penduduk tempatan akan kehilangan pekerjaan mereka. Secara tidak langsung, tahap kemiskinan di kalangan komuniti tempatan meningkat, kerana potensi kewangan yang wujud menjadi semakin terhad.

Kehadiran obor-obor berbahaya memberi kesan besar kepada keselamatan dan kesejahteraan pelancong. Sengatan obor-obor adalah risiko bahaya yang boleh memberi kesan negatif kepada industri pelancongan marin (Cantarero-Prados et al., 2022). Pelancong yang disengat boleh mengalami kecederaan serius, reaksi alahan yang teruk, atau bahkan kematian. Kejadian ini menimbulkan kebimbangan dari segi keselamatan, terutama bagi pelancong yang ingin berenang atau melakukan aktiviti snorkeling. Walaupun kecederaan tersebut tidak mengancam nyawa, bil perubatan yang tinggi boleh merosakkan keseluruhan pengalaman percutian. Faktor-faktor ini bukan sahaja menghalang pelancong daripada menyertai aktiviti air, tetapi juga memberi kesan negatif kepada perniagaan yang bergantung kepada pelancongan marin.

Selain itu, kehadiran obor-obor berbisa di kawasan pesisir pantai boleh menyebabkan insiden yang mengancam keselamatan pelancong dan penduduk setempat, seperti sengatan yang menyakitkan atau, dalam kes yang lebih teruk, kematian (Lippmann et al., 2011). Apabila pelancong mendengar tentang bahaya ini, mereka mungkin akan menghindari lokasi tersebut, menyebabkan penurunan jumlah pengunjung. Situasi ini tidak hanya menjejaskan imej destinasi, tetapi juga memberi impak ekonomi yang besar kepada industri pelancongan. Sebagai contoh, di Pantai Bukit Keluang, terdapat lima kes sengatan obor-obor berbisa yang menyebabkan mangsa mengalami kesakitan dan terpaksa dikejarkan ke hospital berhampiran. Oleh itu, kehadiran obor-obor berbahaya di destinasi pelancongan marin boleh merosakkan reputasi dan menyebabkan kerugian besar kepada sektor ini.

Akhir sekali, kehadiran obor-obor berbahaya dalam sektor pelancongan marin juga boleh meningkatkan kos pengurusan dan kawalan. Destinasi pelancongan yang terjejas perlu melaburkan sumber untuk mengawasi dan menguruskan risiko yang berkaitan dengan obor-obor ini (Nunes et al., 2015). Ini termasuk langkah-langkah seperti pengawasan pantai, pemasangan tanda amaran, dan penyediaan perkhidmatan perubatan untuk merawat mangsa sengatan. Selain itu, pihak berkuasa mungkin perlu menjalankan kempen kesedaran untuk mendidik pelancong tentang bahaya obor-obor dan langkah-langkah keselamatan yang perlu diambil. Kos tambahan ini boleh membebankan pengusaha pelancongan dan mengurangkan daya tarikan destinasi, seterusnya memberi impak negatif kepada ekonomi tempatan

Kesimpulannya, kehadiran obor-obor berbahaya di perairan Malaysia memberikan impak yang signifikan kepada sektor pelancongan marin dari segi kesihatan, keselamatan, ekonomi, dan reputasi destinasi. Obor-obor beracun seperti *Physalia physalis* dan *Chiropsoides buitendijki* menimbulkan risiko kepada pelancong dan akhirnya mengakibatkan penurunan jumlah pengunjung serta penutupan pantai dan pembatalan aktiviti pelancongan. Ini menyebabkan kerugian pendapatan kepada perniagaan tempatan dan peningkatan kadar kemiskinan di kalangan penduduk pesisir. Selain itu, kos pengurusan dan kawalan juga meningkat, membebankan pengusaha pelancongan. Oleh yang demikian, penting bagi pihak yang bertanggungjawab untuk meneliti permasalahan ini secara lebih mendalam serta menangani isu ini dengan lebih rasional dan efektif, dengan harapan sektor pelancongan marin dapat dipulihkan dan terus menjadi tonggak utama kepada ekonomi negara kita. Secara keseluruhannya, kelestarian dan keselamatan sektor ini perlu dijaga bagi memastikan ia terus menarik minat para pelancong dan menyumbang kepada pembangunan ekonomi yang mampan.



**Gambar 1:** Ledakan populasi obor-obor menyebabkan jaring yang digunakan oleh nelayan menjadi rosak



**Gambar 2:** Ledakan obor-obor merbahaya memberi kesan kepada sektor pelancongan dan sosio-ekonomi masyarakat setempat.

#### Rujukan:

- Cantarero-Prados, F. J., Fuente-Roselló, A. d. l., & Reyes-Corredera, S. J. (2022). Analysis of the vulnerability of tourism and leisure to jellyfish swarms on the eastern Costa del Sol. A multiscalar and multi-temporal perspective. *Revista de Estudios Andaluces*, (44), 8–31. <https://doi.org/10.12795/rea.2022.144.01>
- Kennerley, A., Wood, L. E., Luisetti, T., Ferrini, S., & Lorenzoni, I. (2022). Economic impacts of jellyfish blooms on coastal recreation in a UK coastal town and potential management options. *Ocean & Coastal Management*, 227, 106284. <https://doi.org/10.1016/j.ocecoaman.2022.106284>
- Lippmann, J. M., Fenner, P. J., Winkel, K., & Gershwin, L. (2011). Fatal and Severe Box Jellyfish Stings, Including Irukandji Stings, in Malaysia, 2000–2010. *Journal of Travel Medicine*, 18(4), 275–281. <https://doi.org/10.1111/j.1708-8305.2011.00531.x>
- Loy, J. S., Khoo, C. C., Arumugam, T., Ngian, G. H., & Ismail, A. K. (2023). Rhabdomyolysis due to unidentified jellyfish envenomation in west Malaysian waters. *Toxicon: X*, 100170. <https://doi.org/10.1016/j.toxcx.2023.100170>
- Nunes, P. A. L. D., Loureiro, M. L., Piñol, L., Sastre, S., Voltaire, L., & Canepa, A. (2015). Analyzing Beach Recreationists' Preferences for the Reduction of Jellyfish Blooms: Economic Results from a Stated-Choice Experiment in Catalonia, Spain. *PLOS ONE*, 10(6), Article e0126681. <https://doi.org/10.1371/journal.pone.0126681>
- Ruiz-Frau, A. (2022). Impacts of Jellyfish presence on tourists' holiday destination choices and their willingness to pay for mitigation measures. *Journal of Environmental Planning and Management*, 1–19. <https://doi.org/10.1080/09640568.2022.2061926>



BizNewz 2025  
Faculty of Business and Management  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu, Kampus Dungun  
Sura Hujung, 23000 Dungun, Terengganu, MALAYSIA  
Tel: +609-8400400  
Fax: +609-8403777  
Email: [biznewzuitm@gmail.com](mailto:biznewzuitm@gmail.com)